

RM3.169j pulih infrastruktur rosak akibat banjir

KUALA KRAI - Kerajaan persekutuan menyalurkan peruntukan RM3.169 juta kepada Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedar) untuk tujuan baik pulih kemudahan infrastruktur di daerah ini yang rosak akibat landaan bah kuning pada penghujung tahun lalu.

Pengurus Kesedar Wilayah Kuala Krai, Zulkifli Ab Rahman berkata, peruntukan itu akan digunakan untuk memperbaiki jalan pertanian, jalan perhubungan desa, ke-

mudahan awam, surau, dewan, wakaf dan kemudahan lain.

Menurutnya, kerja baik pulih akan dilaksanakan dalam masa terdekat untuk kepentingan penduduk di Kuala Krai.

“Perancangan teliti telah dibuat bagi memastikan kerja baik pulih lancar dan siap pada suku kedua tahun ini,” katanya selepas Program Sarapan Pagi Bersama Media di Pejabat Kesedar Wilayah Kuala Krai, semalam.